Mitra, B., Lewin-Jones, J., Barrett, H., & Williamson, S. (2010). The use of video to enable deep learning. *Research in Post-Compulsory Education,*15(4), 405–414.

Mohd Mydin, A., Wan Mohammad, W. A. & Kechil, R. (2020). Online distance learning and online learning implementation to civil engineering student for subject CSC128. SIG – e-Learning@CS. 113-120.

Rahmadani, S. I., & Nurlaelah, E. (2019). Video-based learning: Using technology to increase student mathematics learning results. In Proceedings of the 1st International Seminar STEMEIF (pp. 569-579).

Samter, W. (2003). Friendship interaction skills across the life-span. In Handbook of communication and social interaction skills (pp. 655-702). Routledge.

Silvia, B. V., Claudio, Z. C., Barbara, F., Leo, I., Gianmarco, A. & Daniela, L. (2020). Effectiveness of digital-based interventions for children with mathematical learning difficulties: A meta-analysis, Computers & Education, Volume 157, 103953, ISSN 0360-1315, https://doi.org/10.1016/j.compedu.2020.103953.

Sofroniou, A., & Poutos, K. (2016). Investigating the effectiveness of group work in mathematics. *Education Sciences*, *6*(3), 30.

Song, B. K. (2021). E-portfolio implementation: Examining learners' perception of usefulness, self-directed learning process and value of learning. *Australasian Journal of Educational Technology*, 37(1), 68-81.

Tan, S., Zou, L., & Wijaya, T. T. (2020). Using video learning to improve students' mathematical ability. Journal of Didactic Mathematics, 1(3), 117-126. https://doi:10.34007/jdm.v1i3.364

Wan Mohammad, W. A., Mohd Mydin, A. & Kechil, R. (2020). UiTM Cawangan Pulau Pinang students readiness towards online teaching and learning. SIG – e-Learning@CS, 51-58.

Wan Mohammad, W. A., Mohd Mydin, A., Kechil, R. & Libasin, Z. (2017). The impact of Blended Learning (BL) in UiTM Cawangan Pulau Pinang. *International Academic Research Journal of Social Science* 3(1) 239-244.

e-ISBN : 978-629-98755-1-2

SIG : e-Learning@CS
https://appspenang.uitm.edu.my/sigcs/
Publication Date : 5 - Apr - 2024

TEKNIK MENGHAFAZ AL QURAN

*Fadzilawani Astifar Alias[1], Nurhafizah Ahmad[2]
Siti Balqis Mahlan[3], Muniroh Hamat[4] , Maisurah Shamsuddin [5]
**fadzilawani.astifar@uitm.edu.my, nurha9129@uitm.edu.my, sitibalqis026@uitm.edu.my, muniroh@uitm.edu.my, maisurah025@uitm.edu.my*

[1,2,3,4,5]Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

**Corresponding author*

ABSTRACT

Pengajian hafazan Al-Quran adalah satu bidang ilmu yang sangat penting di kalangan masyarakat Islam pada masa kini. Ilmu ini seharusnya diterapkan kepada setiap individu yang beragama Islam sejak dari kecil lagi. Kewujudan pusat-pusat tahfiz yang semakin berkembang kini membuktikan bahawa kesedaran dan kemahuan ibubapa itu sendiri terhadap pengajian Al-Quran terhadap anak-anak mereka. Pusat-pusat tahfiz ini berperanan dalam mengajar teknik yang betul dalam menghafaz Al-Quran. Di samping itu ia turut menekankan terhadap bacaan, tajwid, pemahaman dan hafazan Al-Quran itu sendiri. Teknik yang betul ini sangat penting dalam membentuk pola bacaan dan tertib hafazan dengan baik. Dengan teknik yang betul ini juga, pelajar dapat menghabiskan bacaan dengan cepat dan sempurna. Kajian ini dijalankan berdasarkan pemerhatian dari kajian yang lepas terhadap teknik yang betul dalam hafazan bagi memudahkan setiap penghafaz Al-Quran dalam menghabiskan 30 juzuk Al-Quran. Diharapkan kajian ini memberi satu titik tolak kepada setiap individu yang beragama Islam dalam berusaha menhafaz Al-Quran tanpa mengira usia.

Keywords: hafazan, teknik, bacaan, tahfiz, Al-Quran

Pendahuluan

Membaca Al-Quran adalah dituntut dalam agama Islam dan ia sangat penting dalam kehidupan seorang Muslim. Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai panduan hidup bagi seluruh umat Islam. Al-Quran adalah kitab yang kaya dengan sumber ilmu. Didalamnya terkandung semua ilmu dan pengetahuan tentang agama, sains, sosial, sejarah dan banyak lagi. Al-Quran satu keajaiban yang Allah turunkan kepada seluruh umat manusia yang mampu menyelesaikan masalah manusia. Dengan membacanya sahaja hati akan akan menjadi tenang. Ini kerana didalamnya terdapat pelbagai ayat yang boleh dijadikan syifa yang dapat menenangkan perasaan dan menyelesaikan masalah yang setiap manusia hadapi. Jadi setiap umat Islam harus yakin dan percaya dengan kitab yang satu ini. Oleh yang demikian dengan kehebatan kitab Al-Quran ini semakin ramai individu yang beragama Islam berlumba-lumba untuk berusaha mendalami ilmu Al-Quran. Tanpa mengira pangkat dan usia setiap dari kita yang beragama Islam seharusnya berusaha menempatkan diri dengan kumpulan yang berusaha untuk menghafaz Al-Quran. Dengan usaha yang sedikit ini kita harapkan supaya Allah SWT memandang setiap dari hambanya dengan rasa kasih dan sayangNya.

Kemungkinan besar dari kita sedang menghafaz Al-Quran namun tidak berjaya. Ini adalah disebabkan beberapa faktor yang membuatkan seorang yang mengahafaz Al-Quran tidak berjaya menghafaz. Antaranya adalah tiada minat dan kemahuan dengan sendirinya. Kemungkinan seseorang itu terpaksa atau dipaksa oleh ibubapa untuk menghafaz. Ini kerana seseorang itu perlulah ada niat yang betul sebelum menghafaz Al-Quran supaya setiap ayat yang dihafal dapat dicapai dengan baik dan sempurna. Azmil Hashim, et al. (2013) menyatakan bahawa antara faktor yang menjadi punca kelemahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz ialah pengajar masih mengekalkan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz. Walaupun begitu mereka menyokong sepenuhnya bahawa penggunaan teknologi membantu dalam meningkatkan mutu hafazan al-Quran (Mohamad Marzuqi, 2008).

Setiap individu yang menghafal juga perlu tanamkan keyakinan yang tinggi dan berfikiran positif bahawa mengahafal Al-Quran ini sangat dituntut dan berazam untuk menjadi seorang huffaz yang berjaya dan dapat memberi manfaat kepada orang lain. Kebanyakan penghafaz juga kemungkinan mempunyai keinginann yang begitu tinggi untuk menghafal tetapi tidak tahu teknik yang betul dalam menghafal Al-Quran. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan dalam mengenalpasti teknik yang betul dan mudah untuk setiap dari kita yang beragama Islam gunakan dalam memulakan proses menghafal Al-Quran.

Teknik Menghafaz Al-Quran

1. Tetapkan niat

Setiap satu amalan yang kita lakukan setiap hari sudah pastinya dengan niat. Dengan niat yang betul dan bersungguh-sungguh barulah akan ada tindakan untuk menghafaz Al-Quran. Setiap umat Islam perlu tahu yang menghafal Al-Quran adalah ibadah yang sangat terpuji. Oleh yang demikian tanamkan niat menghafal itu kerana Allah dan lakukanlah ia dengan hati yang ikhlas.

2. Mulakan sekarang

Menghafal Al-Quran adalah satu ibadah yang sangat mulia yang tidak seharusnya ditunda-tunda. Semakin awal kita memulakan langkah untuk menghafal semakin cepat kita akan selesai menghafal Al-Quran dan semakin cepat kita akan mendapat hasilnya. Sudah pasti menghafal Al-Quran itu bukanlah sesuatu yang mudah dan ia memakan tempoh masa yang panjang namun jika masa itu sudah berlalu, semuanya akan rasa sebentar sahaja malah akan merasai kenikmatan dan kemanisan dari setiap hafalan itu.

Terdapat beberapa cara dalam memulakan hafalan Al-Quran. Antaranya adalah:

i. Bermula dari surah-surah yang lazim iaitu dari juzuk 30. Kemudiannya berpindah ke juzuk 29. Setetusnya barulah bermula dari juzuk 1 hingga juzuk 28. Kebanyakan penghafal

menggunakan cara ini. Ini kerana kebanyakan dari kita sudah biasa dengan surah lazim dan mudah ingat dengan surah yang pendek. Momentum yang sudah ada itu boleh memudahkan seseorang itu untuk menghafal surah seterusnya yang lebih panjang.

ii. Mengikut turutan dari juzuk 1 hingga juzuk 30. Supaya seseorang itu tidak cepat merasa penat dalam menghafal dari surah yang panjang, mulai dahulu dengan menghafal sedikit demi sedikit contohnya bermula dengan tiga baris ayat dahulu. Sekiranya sudah biasa tambahkan ayat hafalan sedikit demi sedikit setiap hari.

iii. Bermula dengan juzuk 30 yang mengandungi surah-surah lazim. Seterusnya berpindah ke surah-surah yang panjang yang biasa didengar contohnya surah Yasin, surah Al-Mulk, As-Sajadah, Al-Waqiah, An-Naba atau surah-surah lain dan barulah bermula dengan juzuk 1.

3. Letakkan ‘target’ tempoh masa yang jelas

Dengan adanya tarikh akhir untuk kita menghabiskan 30 juzuk itu barulah seseorang itu mempunyai matlamat yang jelas. Dengan matlamat yang jelas seseorang akan memulakan tindakan tanpa menunda-nunda. Berapa lama seseorang itu dapat menghabiskan hafalan adalah bergantung kepada berapa konsisten seseorang itu dapat menghafal setiap hari. Ada yang dapat menghafal dalam tempoh 1 tahun, 3 tahun dan juga 5 tahun atau lebih. Selepas mempunyai tempoh akhir yang jelas, pecahkan kepada bahagian-bahagian yang kecil. Contohnya seminggu satu halaman, Sabtu dan Ahad fokuskan untuk mengulang hafazan atau sehari menghafal 3 baris ayat.

4. Menghafal waktu pagi

Pad awal pagi, fikiran kita masih kosong. Oleh itu ayat-ayat Al-Quran lebih mudah masuk kedalam minda seseorang itu. Berusaha menghafal pada waktu sebelum subuh kerana waktu itu penuh dengan keberkatan.

5. Berguru

Carilah guru dalam usaha untuk menghafal Al-Quran kerana guru dapat membetulkan jika kita salah dalam bacaan hafalan dan dapat mengajar tajwid dengan betul. Tidak perlu untuk berjumpa guru setiap hari jika masa tidak mengizinkan. Kemungkinan sebulan sekali untuk guru tersebut menyemak hafalan kita dan memberi motivasi untuk seseorang itu meneruskan bacaan.

6. Gunakan 1 Mushaf

Pilihlah satu mushaf dan gunakanlah ia sehingga ke akhirnya. Ini kerana apabila kita menghafal, imej halaman mushaf itu akan terpapar dalam minda.

7. Ulang hafalan setiap hari

Mengulang hafalan ini adalah sangat penting. Jika kita leka dalam menghafal dan tidak konsisten setiap hari sesorang itu akan mudah lupa dan terpaksa memulakan usaha semula dalam menghafal Al-Quran. Zakaria dan Samah (2022), menyatakan bahawa kuatnya hafazan seorang itu dapat dilihat dari kebolehan seseorang itu mengulang semula hafazan itu terlebih dahulu dan menulis semula ayat Al-Quran itu tanpa melihat mushaf.

8. Dengar bacaan Al-Quran

Ada waktunya mungkin kita tidak dapat membaca Al-Quran, kemungkinan kerana keuzuran atau sakit tekak dan lain-lain. Oleh itu, tukarlah aktiviti itu dengan mendengar bacaan Al-Quran. Mendengar adalah satu proses yang menggunakan deria telinga sebagai unsur auditori dan merupakan teknik pembelajaran yang kerap digunakan oleh pelajar dalam proses menghafal Al-Quran (Mustafa et al., 2018). Kini, terdapat banyak aplikasi Al-Quran yang boleh kita 'download' di dalam telefon pintar. Jadi kita dapat mainkan bacaan berulang-ulang kali. Menurut Buzdar dan Farooq (2020), penggunaan aplikasi digital dalam telefon bimbit membantu seseorang dalam proses mendengar dan menghafal Al-Quran mengikut masa mereka sendiri.

Kesimpulan

Menghafaz Al-Quran bukanlah satu proses yang mudah. Seseorang itu perlukan keyakinan yang tinggi dan sistem sokongan yang kuat dari orang disekelilingnya. Dengan teknik yang betul semoga dapat memudahkan seseorang itu dalam menghafal Al-Quran. Tapi percayalah dengan niat yang ikhlas itu Allah akan membantu memudahkan seseorang itu dalam menghafal Al-Quran dan pastinya akan merasai kemanisan pada penghujungnya. Sesungguhnya membaca, menghayati dan menghafal ayat-ayat Al-Quran akan menghidupkan hati-hati manusia seperti mana air hujan yang menyuburkan dan menghidupkan tanaman.

Rujukan:

Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri dan Misnan Jemali (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education. Vol. 1 Issue 1* 28-39.

Buzdar, A. Q., & Farooq, M. (2020). Memorization of Quran through Mobile Application in the Era of Transformative Marketing. *Pakistan Journal of Social Science (PJSS) , 40(2)*, 689-698.

Facebook Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) , 2 November 2016

Mustafa, N. M., Mohamad, K.A., Zaki, Z. M., & Basri, M. (2018). Quran Memorization Method Based on VARK Learning Style (Kaedah Hafalan Al-Quran Berasaskan Gaya Pembelajaran VARK). In *Isu-isu Semasa Islam dan Sains* (Issue February 2018, pp. 51-58). Univeriti Sains Islam MAlaysia (USIM).

Mohamad Marzuqi Abd Rahim. (2008). Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zakaria, S.M.M., Azizan, N.I., Ismail, S., & Mansor, F.N. (2021). Pendekatan Komunikasi Dalam Pengajaran dan Pembekajaran Hafazan Al-Quran Antara Dua Institusi Pra Tahfiz di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam 14 (Special Edition)*, 74-89.

e-ISBN : 978-629-98755-1-2

SIG : e-Learning@CS
https://appspenang.uitm.edu.my/sigcs/
Publication Date : 5 – Apr - 2024

KESILAPAN DALAM LANGKAH PENYELESAIAN LOGARITMA

[*]Siti Balqis Mahlan[1], Maisurah Shamsuddin[2],
Muniroh Hamat[3], Fadzilawani Astifar[4] Alias, Nurhafizah Ahmad[5]
**sitibalqis026@uitm.edu.my[1], maisurah025@uitm.edu.my[2],*
muniroh@uitm.edu.my[3], fadzilawani.astifar@uitm.edu.my[4], nurha9129@uitm.edu.my[5]

[1,2,3,4,5]Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

**Corresponding author*

ABSTRAK

Pelajar-pelajar sering menghadapi cabaran dalam menyelesaikan langkah kerja logaritma, di mana kesilapan-kesilapan tertentu sering kali muncul semasa mengaplikasikan langkah-langkah penyelesaian. Salah satu kesilapan umum yang sering ditemui adalah keliru dalam mengenal pasti peraturan-peraturan logaritma asas, seperti hukum logaritma, yang boleh menyebabkan kesilapan dalam mempermudahkan persamaan logaritma. Selain itu, pelajar juga cenderung keliru dalam menukar antara bentuk logaritma dan bentuk eksponen, yang boleh memberi impak besar terhadap kefahaman terhadap soalan yang diberikan. Kajian kes ini melibatkan seramai 29 orang pelajar yang mengambil subjek asas matematik di peringkat pra-diploma perdagangan. Data yang diambil ini merupakan markah bagi ujian yang merangkumi topik logaritma. Berdasarkan analisa deskriptif, didapati min markah keselruhan yang diperolehi adalah agak rendah iaitu sebanyak 57.9%. Secara tidak langsung ini menggambarkan terdapat banyak kesilapan semasa melakukan jalan kerja bagi topik logaritma. Kajian ini diharap dapat membantu pendidik untuk memberi panduan kepada pelajar-pelajar akan datang bagi mengatasi kesilapan yang berulang dan memperbaiki konsep-konsep logaritma secara lebih efektif.

Kata Kunci: Logaritma, eksponen, matematik, analisa deskriptif, pra-diploma perdagangan

Pengenalan

Dalam dunia matematik, penggunaan logaritma merupakan suatu cabaran yang seringkali menyebabkan kesilapan dalam penyelesaian. Para pendidik perlu mengenal pasti dan memahami sumber kesilapan yang biasa berlaku semasa menjalankan pengiraan logaritma. Di antara fokus utama yang perlu diambilkira adalah pada pemahaman yang kurang tepat terhadap hukum logaritma. Dengan mengenalpasti kesilapan ini secara lebih mendalam, para pendidik berharap dapat meningkatkan kemahiran dan ketepatan penggunaan logaritma dalam pelbagai situasi matematik dan sains. Logaritma merupakan konsep matematik yang penting dan kerap digunakan dalam pelbagai bidang ilmu dari matematik tulen hingga aplikasi praktikal dalam sains dan teknologi. Walaupun logaritma dianggap sebagai topik yang asas, ramai pelajar sering membuat kesilapan yang boleh mempengaruhi pemahaman dan penggunaannya.

Pelbagai kesilapan konseptual dapat dikenal pasti dalam pemahaman logaritma. Contohnya, beberapa individu mungkin tidak memahami konsep asas logaritma secara menyeluruh. Selain itu, terdapat kesilapan dalam mengenali harta logaritma seperti hukum logaritma. Kesulitan juga timbul dalam memahami hubungan antara logaritma dan eksponen. Dalam menyelesaikan persamaan

logaritma, beberapa kesilapan sering berlaku. Individu mungkin mengabaikan langkah-langkah penting dalam menyelesaikan persamaan tersebut. Terdapat juga kesalahan umum yang melibatkan ketidaksedaran akan kemungkinan adanya penyelesaian kompleks pada persamaan logaritma. Selain itu, kesilapan lazim dapat dikenal pasti dalam menyederhanakan bentuk persamaan logaritma.

Dalam penggunaan logaritma untuk menyelesaikan masalah, kesilapan seringkali muncul. Beberapa pelajar mungkin mengalami kesukaran dalam mengenalpasti bila logaritma sepatutnya digunakan dalam menyelesaikan masalah. Selain itu, terdapat kesilapan dalam mentafsirkan hasil logaritma dalam konteks masalah nyata. Pelajar juga mungkin menghadapi kesukaran dalam mengubah jawapan ke bentuk logaritma atau sebaliknya. Penggunaan kalkulator logaritma juga melibatkan beberapa kesilapan di mana pelajar mungkin tidak menguasai fungsi logaritma pada kalkulator. Kesilapan sering berlaku dalam menentukan asas logaritma pada kalkulator. Selain itu, terdapat kesilapan teknikal dalam memasukkan persamaan logaritma ke dalam kalkulator.

Kajian terdahulu telah menerokai pelbagai kesilapan yang mungkin berlaku semasa menggunakan logaritma. Beberapa penyelidikan menekankan kesilapan dalam pemahaman konsep logaritma, terutamanya berkaitan dengan nilai logaritma yang negatif dan kesukaran dalam menangani asas logaritma yang melibatkan bilangan kompleks. Tambahan pula, terdapat penumpuan pada strategi pengajaran yang membantu mengatasi kesilapan, seperti pendekatan berpandukan masalah dan pembelajaran yang melibatkan aktiviti.

Berdasarkan Tian, Puri dan Yoppy (2017), hasil dapatan kajian menemui bahawa pelajar tidak memahami konsep asas logaritma dan juga terdapat banyak kesilapan dari segi aritmetik iaitu melibatkan operasi tambah, tolak, darab dan bahagi. Kajian Halim (2020) pula mendapati pelajar kurang memahami konsep asas hukum logaritma. Pemahaman pelajar berkaitan konsep asas hukum logaritma agak berbeza menyebabkan kesilapan dalam jalan kerja logaritma. Kedua-dua kajian ini menemui dapatan yang sama iaitu pelajar kurang memahami konsep asas logaritma.

Menurut Rafi dan Retnawati (2018), hasil kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar agak cuai dalam mengira atau memanipulasi operasi algebra seterusnya menyebabkan jawapan yang tepat tidak perolehi. Pelajar ini juga seringkali menganggap "log" sebagai pembolehubah. Berdasarkan kajian ini juga, pelajar kurang menguasai konsep eksponen dan logaritma di mana majoriti pelajar membuat kesilapan yang tinggi pada kesilapan teknikal. Kesilapan teknikal ini termasuklah kesalahan dalam pengiraan kerana kecuaian, kesalahan dalam memanipulasi operasi algebra dan kesalahan dalam menggunakan algoritma.

Sitti, Hafiluddin dan Latief (2017) mendapati bahawa jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah eksponen dan logaritma termasuklah kesilapan fakta, konsep, prinsip dan prosedur. Kajian ini bukan sahaja mengenalpasti jenis kesilapan namun ianya juga mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kesilapan dalam menyelesaikan masalah eksponen dan

logaritma. Di antaranya ialah motivasi pelajar rendah, pelajar tidak dapat membangunkan langkah-langkah yang sistematik dalam menyelesaikan masalah eksponen serta logaritma dan ketidaktepatan pelajar dalam menyelesaikan masalah.

Berdasarkan hasil kajian Desnani dan Kartini (2021), didapati masih ramai pelajar yang melakukan kesilapan dalam menyelesaikan masalah matematik. Jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar ialah kesilapan konsep. Kesilapan konsep yang dilakukan oleh pelajar ialah kesilapan dalam menggunakan sifat logaritma untuk menyelesaikan masalah matematik. seterusnya, Kesilapan prosedur. Kesilapan prosedur yang dilakukan oleh pelajar ialah kesilapan dalam langkah atau algoritma untuk menyelesaikan masalah matematik. Kesilapan teknikal juga dilakukan, iaitu kesilapan pelajar dalam menentukan keputusan akhir, dan kesilapan dalam menjalankan operasi pengiraan dalam persamaan.

Berdasarkan kajian Ong dan Novisita (2019) pula mendapati kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah kerana pelajar tidak memahami soalan, tidak memahami konsep material seperti sifat-sifat logaritma, tidak menggunakan semua data dalam soalan dan kadangkala terlepas data penting, tidak tepat dan cuai dalam langkah kerja. Sebagai contoh, dalam kes pendaraban logaritma, terdapat pelajar yang melakukannya secara langsung tanpa menggunakan kaedah dan tidak meletakkan tanda tolak dan ini mengakibatkan kesilapan pada jawapan. Terdapat juga pelajar yang tidak faham sifat logaritma yang hendak digunakan dan juga kesilapan dalam menggunakan sifat logaritma kerana tidak menghafal sifat logaritma.

Dalam kajian ini, penyelidik mensasarkan untuk mengenalpasti kesalahan yang kerap dilakukan oleh para pelajar dalam penyelesaian logaritma. Topik logaritma merupakan antara topik yang agak sukar diselesaikan apabila ditanya kepada para pelajar. Sekiranya kesalahan dalam topik logaritma yang dikenalpasti ini diketahui, pendidik perlu mengatasinya dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian agar kesalahan begini dapat diperbetulkan.

Metodologi

Kajian kes ini melibatkan seramai 29 orang pelajar pra diploma perdagangan. Markah min bagi ujian topik logaritma diambil untuk melihat prestasi pelajar. Terdapat tiga soalan berkaitan logaritma yang diuji dalam ujian tersebut. Sebanyak 7 markah diperuntukkan bagi ketiga-tiga soalan iaitu soalan pertama sebanyak 3 markah manakala soalan kedua dan ketiga masing-masingnya sebanyak 2 markah.

Jadual 1 berikut mengandungi soalan yang ditanya dalam ujian topik logaritma. Soalan yang diuji menggabungkan beberapa hukum dan konsep asas logaritma. Di antara hukum yang akan digunakan ialah Hukum Logaritma Darab, Hukum Logaritma Bahagi dan juga Hukum Logaritma Kuasa. Secara tidak langsung, soalan yang diuji ada menggunakan sifat-sifat asas logaritma. Soalan berkaitan persamaan logaritma juga diuji di mana soalan ini perlu ditukar dari bentuk logaritma kepada

bentuk indeks. Terdapat juga soalan yang menggunakan kaedah logaritma untuk menyelesaikan persamaan yang diberikan dalam bentuk indeks.

Jadual 1: Soalan bagi Ujian Topik Logaritma

Soalan	Bentuk Soalan
Soalan 1	Nyatakan 2log x – 3logy +2 - log10x di dalam ungkapan logaritma tunggal
Soalan 2	Cari nilai x sekiranya log (4x + 5) + log 4 = 2 log 10
Soalan 3	Cari nilai x sekiranya $2^{2+x} = 6$

Skrip jawapan pelajar akan disemak satu persatu bagi mengenalpasti jenis-jenis kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar bagi topik logaritma yang diuji dalam ujian ini.

Analisa dan Perbincangan

Berdasarkan markah min pelajar bagi setiap soalan yang ditunjukkan dalam Rajah 1, didapati bahawa prestasi bagi topik logaritma kurang memuaskan terutamanya bagi soalan 2 yang mempunyai min markah sebanyak 48.28% sahaja. Soalan 3 pula mempunyai min markah yang agak sederhana iaitu sebanyak 59.48%. Begitu juga bagi soalan 1 yang mempunyai min markah yang sederhana iaitu sebanyak 63.22%.

Bagi soalan 1, majoriti pelajar kurang mahir dalam mengaplikasikan Hukum Logaritma Darab [log a + log b = log ab] dan juga Hukum Logaritma Bahagi [log a – log b = log a/b]. Bagi soalan 2 pula, pelajar perlu menggabungkan beberapa hukum logaritma dan persamaan iaitu dengan mengaplikasikan Hukum Logaritma Darab dan Hukum Logaritma Kuasa. Pelajar juga perlu menyamakan argumen logaritma dan seterusnya menyelesaikan persamaan untuk mendapatkan nilai x. Namun begitu, kebanyakan pelajar tidak menguasai konsep hukum logaritma sepenuhnya dan ini menyebabkan kesilapan dalam penyelesaian soalan logaritma. Pelajar yang tidak dapat menjawab soalan 3 rata-ratanya tidak menggunakan kaedah logaritma untuk menyelesaikan persamaan yang asalnya diberi dalam bentuk indeks. Pelajar tersebut tidak tahu cara menyelesaikan persamaan tersebut kemungkinan besar kurangnya latih tubi dalam subtopik tersebut. Melalui pemerhatian kertas jawapan pelajar, terdapat juga beberapa pelajar yang tidak menghafal hukum logaritma dan sifat asas logaritma. Ini menyebabkan pelajar tersebut tidak dapat menyelesaikan soalan yang berkaitan logaritma.



Rajah 1: Min Markah Pelajar

Kesimpulan

Berdasarkan analisa dan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa pelajar kerap melakukan kesalahan soalan logaritma terutamanya apabila soalan tersebut melibatkan gabungan pelbagai hukum logaritma seperti Hukum Logaritma Darab, Bahagi, dan Kuasa serta beberapa sifat-sifat asas logaritma. Pelajar juga didapati membuat kesalahan apabila soalan tersebut melibatkan persamaan indeks yang perlu menggunakan kaedah logaritma. Terdapat sesetengah pelajar yang tidak menghafal hukum dan sifat asas logaritma.

Dengan mengenal pasti dan menganalisis kesilapan-kesilapan lazim yang kerap berlaku dalam pemahaman dan penggunaan logaritma. Pemahaman yang kukuh terhadap logaritma menjadi kunci kejayaan dalam menyelesaikan masalah matematik dan aplikasinya dalam pelbagai bidang ilmu. Dalam mengkaji kesalahan yang sering muncul dalam penyelesaian soalan logaritma, dapat disimpulkan bahawa pemahaman konsep logaritma serta kemahiran dalam menangani persamaan logaritma merupakan aspek-aspek penting. Kesedaran terhadap kesalahan-kesalahan ini diharapkan dapat meningkatkan kemahiran pelajar dan pendidik matematik dalam mengaplikasikan logaritma secara efektif dalam menyelesaikan masalah. Artikel ini diharapkan dapat memberikan panduan dan rujukan kepada pendidik dan pelajar.

Rujukan

Desnani, U., & Kartini, K. (2021). Analisis kesalahan siswa dalam menyelesaikan soal logaritma menggunakan tahapan kesalahan kastolan. *Jurnal Cendekia: Jurnal Pendidikan Matematika*, 5(1), 542-550.

Halim, D., Nurhidayati, S., Zayyadi, M., Lanya, H., & Hasanah, S. I. (2020). Commognitive analysis of the solving problem of logarithm on mathematics prospective teachers. *Journal of Physics: Conference Series*, 1(1), 1-11.

Ong Florencia, I. H., & Novisita, R. (2019). Analisis kesalahan siswa dalam menyelesaikan soal logaritma. *Jurnal Pendidikan Matematika Indonesia*, 4(1), 29-35.

Rafi, I., & Retnawati, H. (2018). What are the common errors made by students in solving logarithm problems? *Journal of Physics: Conf. Series*, 1(1), 1-9.

Sitti, M., Hafiluddin, S., & Latief, S. (2017). Analisis kesalahan siswa kelas x sma negeri 1 raha dalam menyelesaikan soal-soal eksponen dan logaritma. *Jurnal Penelitian Pendidikan Matematika*, 5(1), 155-168.

Tian, A. A., Puri, P., & Yoppy, W. P. (2017). How do college students solve logarithm questions? *International Journal on Emerging Mathematics Education (IJEME)*, 1(1), 25-40.

e-ISBN : 978-629-98755-1-2

SIG : e-Learning@CS
https://appspenang.uitm.edu.my/sigcs/
Publication Date : 5 - Apr - 2024

THE FRAMEWORK OF INVENTORY PREDICTION MODEL USING ABC ANALYSIS FOR INVENTORY MANAGEMENT

Umi Safierah Binti Masdiki[1] and *Rozita binti Kadar[2]
*2021856418@student.uitm.edu.my[1], *rozita231@uitm.edu.my[2]*

[1]College of Computing, Informatics and Mathematics
Universiti Teknologi MARA, Terengganu Branch, Terengganu, Malaysia

[2]Department of Computer and Mathematical Sciences
Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang Branch, Pulau Pinang, Malaysia

**Corresponding author*

ABSTRACT

In the present day, there exist technologies that aid in forecasting the future. This is particularly beneficial in the business sector, where business intelligence technology is widely utilized for business development. Business analysis is a method that contributes to the advancement of business management. The aim of this study is to assist companies in managing inventory more systematically and effectively. The objective of this study is to propose a prediction model by applying business analysis and visualizing it in the form of a dashboard. Utilizing the CRISP-DM model as a framework, this study applies ABC analysis in the development of the prediction model. The choice of algorithm for this study will be based on selecting the best algorithm for model development proposal. Confusion Matrix is used in evaluating the model. The RapidMiner tool is used to develop the predictive model, while the dashboard is developed using the Power BI tool. The study will evaluate the dashboard by selecting three experts as assessors. Hopefully, this proposed model will enhance inventory management for the company even further.

Keywords: Business Intelligence, Business Analysis, Predictive Analysis, ABC Analysis, CRISP-DM

Introduction

Over the past decade, there has been a notable shift in how businesses handle their operations, particularly regarding the adoption of technology for sales forecasting and inventory management. Business Intelligence (BI) has emerged as a key tool for conducting analytical processes. Initially conceived by Howard Dressner, an analyst at Gartner Group, in the early 1990s, BI has evolved into a strategic initiative recognized by business leaders for its role in enhancing efficiency and fostering innovation.

Business Intelligence (BI) primarily involves technology-driven methods for analyzing and presenting business data to facilitate decision-making, focusing on historical and current data to provide descriptive insights into past or ongoing activities. Complementing BI is Business Analytics (BA), which delves deeper into analysis, often utilizing predictive or prescriptive modeling to interpret, analyze, and visualize data for informing business strategies, streamlining processes, and improving performance. Both BI and BA serve information access, data analysis, and reporting purposes,

empowering employees and managers across organizational levels with timely and relevant information, ultimately enhancing decision-making processes.

Prediction analysis, a critical technique within business analytics, utilizes historical sales data, market trends, and relevant information to forecast future product demand. The objective is to predict the quantity of specific items or products a business should stock to meet customer demand while minimizing surplus inventory or stockouts. By analyzing past sales patterns, seasonal fluctuations, and other variables, businesses can optimize supply chain management, reduce carrying costs, and enhance overall operational efficiency.

Many companies encounter challenges in managing their inventory, particularly within warehouse operations. One prevalent issue is persistent overstocking, where staff consistently order more products than can be sold within a reasonable timeframe. This overstocking ties up physical space and can hamper warehouse efficiency. Another problem arises from insufficient stock for high-demand products, often due to inaccurate demand forecasting. If a company struggles to predict which products will be in high demand, it may end up with inadequate stocks when actual demand exceeds projections, resulting in lost sales opportunities. Additionally, stock shortages can strain the company's supply chain as it attempts to meet demand.

Furthermore, some companies lack information about the demand for their stock, indicating a failure to understand the factors influencing stock market demand. This information gap may stem from communication issues with suppliers, as the company may not prioritize transparent communication. Without regular updates on financial performance and prospects, suppliers may struggle to make well-informed decisions about the company's stock, leading to further complications.

Therefore, this study focuses on businesses offering a diverse range of products to meet consumer demand across various categories. By encompassing multiple brands, it highlights the breadth of product offerings available in the market, enabling consumers to choose based on preferences and requirements. Specifically, the study aims to utilize business intelligence to analyze and forecast stock trends for a company. Through data analysis, the company can gain deeper insights into stock movements, navigate industry challenges effectively, and make informed decisions regarding inventory management. Predictive modeling may be employed to anticipate inventory demand, optimizing inventory levels and directing attention to high-demand products.

This study proposes a model to assist companies in forecasting future inventory needs. The objectives of this study are as follows:

i. Proposing an inventory prediction model for a company using ABC analysis.
ii. Developing a dashboard to visualize the results of inventory management predictions.

The next section will begin by examining related works in the field of business analysis trends. Subsequently, the study will present the methodology framework and finally, the paper will conclude with a summary of the study.

Related Work

To forecast the future of businesses effectively, it's optimal to merge business management, business modeling procedures, and information technology. Leveraging big data proficiently through predictive analytics can be highly advantageous for businesses. Companies that exhibit proactive, forward-thinking approaches and can anticipate patterns or behaviors stand to benefit significantly from this technology.

Predictive analytics encompasses several steps through which a data analyst can forecast future outcomes based on present data. The process of predictive analytics is depicted in Figure 1 below:



Figure 1: Predictive Analytics Process

Choosing the right prediction modeling strategy is crucial as it drives the predictive analytics process. Predictive analytics involves using statistical algorithms and machine learning techniques to analyze historical data and predict future events or trends. It identifies patterns, correlations, and relationships in data to create models that forecast outcomes, enabling informed decision-making for businesses and organizations. Techniques include linear regression, decision trees, neural networks, and time series analysis. By leveraging predictive analytics, entities can gain insights into future scenarios, optimize processes, manage risks, and make proactive decisions for competitive advantage. Table 1 illustrates a previous study implementing predictive analytics techniques.

Table 1: The Techniques Of Predictive Analytics

Technique	Purpose	Evaluation	Article Citation
Decision Tree	Classification model but it can be sed in regression as well. It is a tree-like model which relates the decisions and them. possible consequences.	An illustration of an upside-down tree; it features a hierarchical tree structure with leaf, internal, branch, and root nodes.	(Kaminski et.al, 2018)
Regression Model	The relationship between a dependent variable and one or more independent variables and analyzes how the value of the dependent variable changes on changing the values	Once one or more explanatory variables change, a regression model can show whether changes in the dependent variable's value are related to those changes.	(Arnstrong et.al, 2012)
Time series analysis	Statistical technique that uses time series data that is collected over sometime at a particular interval. It combines traditional data mining technique sand prediction.	Use techniques. like cross- validation and visual inspection of prediction versus actual values are commonly used for assessment	(Lin, 2003)
Ensemble Learning	These models are created by merging the prediction. outcomes of multiple models of a similar sort that have been trained. The model's accuracy is increased in this way.	Evaluate by bagging and boosting, aiming to improve overall model. performance and combining predictions from multiple models.	(Polikar, 2006)
Classification	The task of categorizing data into predefined classes or labels based on its features.	The classification model draws an interpretation based on the initial training values that were entered. It will predict the fresh data's class categories.	(Eckerson,2009)
Clustering	Machine learning task that involves grouping similar data points together based on their inherent patterns or features, without predefined labels.	One method of classifying objects in various groups that have the foreach comparable group at a wide scale is clustering.	(Charles et al,2022)

Methodology Framework

For the methodology framework, we're using The CRoss Industry Standard Process for Data Mining (CRISP-DM) Model. It's a structured way to develop projects, widely recognized for discovering knowledge in different projects. CRISP-DM helps us by breaking down the project into clear steps, making sure we don't miss anything important. It's like a cycle, so we can keep improving and making changes as needed. This method is reliable for getting valuable insights to help with decision-making. Our adapted CRISP-DM framework includes seven stages: Project Planning, Business Understanding, Data Understanding, Data Preparation, Modeling, Evaluation, and Deployment. Each stage is explained in Table 2 below, based on Saltz's work from 2021.

Table 2: Methodology Framework

Phase	Activity	Deliverable
Project planning	Propose potential project. Prepare interview questionnaire	Proposed work. Questionnaire.
Business understanding	Conduct interview. Determine business objectives. Access situation. Determine project goals. Produce project plan.	Interviewed result. Business objective. Current process. Project goals.
Data understanding	Collect data. Describe data. Explore data. Verify data quality.	Sales data. Inventory data.
Data preparation	Select data. Clean data. Construct data. Integrate data. Format data.	Determined data sets. Cleaned dataset. Selected attributes. Combined data set. Formatted data.
Modelling	Select modelling technique. Generate test design. Build model. Access model.	ABC analysis, Decision Tree Accuracy.
Evaluation	Evaluate results. Review process. Determine next step.	Confusion matrix
Deployment	Deploy model.	Dashboard Development Expert Evaluation.

Model Development

In this study, we will employ the ABC analysis, which is widely recognized as one of the most effective methods for inventory classification. The ABC analysis is based on the Pareto Principle, which suggests

that roughly 20% of causes lead to 80% of effects. This method categorizes items based on their importance or their contribution to specific goals, such as sales, profit, or project success.

The project adopts the ABC analysis technique after recognizing the need for a systematic approach to prioritize and manage various tasks and components effectively. ABC Analysis, being strategic in nature, categorizes items or activities into three categories based on their importance, influence, or contribution towards achieving a specific goal or aim. Each category signifies a different level of significance or contribution to the overall objective. These categories are labeled as Class A, Class B, and Class C, with a depiction of the model shown in Figure 2.



Figure2 : Description of ABC analysis

Class A, also known as High Impact, comprises items that are of utmost importance and consequence. These components are critical to a project or process, though they may be few in number, their impact is significant. For example, high-value products with substantial sales volume would fall under Class A. Class B, referred to as Moderate Impact, lies between the highly impactful Class A and the less crucial Class C. Items in Class B are of intermediate relevance. While they contribute to achieving the main goal, they may not hold as much importance as those in Class A. An example could be a product in inventory management with consistent sales and a reasonable profit margin. Class C, also known as Low Impact, includes products with minimal significance or effect. Although these items are important, they do not have a substantial impact on the overall goal. Products in Class C in inventory management might have lower profit margins or sales volumes compared to those in Class A and B.

Model Validation

Ensuring the accuracy and reliability of categorization in ABC analysis involves validating the outcomes after assigning products to categories. Before evaluation, a predictive model was constructed using RapidMiner, a tool that seamlessly integrates various machine learning algorithms such as decision trees, support vector machines, and more. The chosen algorithm for this project is a decision tree.

A decision tree is a tree-like model used in machine learning and data mining to make decisions. It consists of nodes representing decisions based on specific features or attributes, branches representing outcomes, and leaf nodes representing final decisions or predicted outputs. Decision trees are commonly used for classification and regression tasks.

Following the modeling process, the predictive model will be evaluated, and the categorization results will be validated. This involves assessing the coherence of the categorization with past data and market patterns. During validation, any significant changes in product performance or market conditions should be considered. After validating the results of product categorization, a dashboard will be created to display the outcomes. Table 3 provides a summary of the modeling and validation results.

Table 3 Summary of modelling and validate results.

Activities	Description
Predictive Model	Using RapidMiner
Modelling technique	Construct model using predictive algorithm
Validate	Validate predictive model and results.

Dashboard Development dan Expert Evaluation.

The final step is the dashboard board development. Creating a dashboard to display the outcomes of an ABC analysis is a strategic step that enhances the understandability and accessibility of the information. As Sarikaya et al. (2018) suggest, dashboards visualize data and are most effective when they support users in achieving their goals. Unfortunately, many dashboards are not designed with usability in mind; instead, they prioritize visualizing as much data as possible to showcase graphical capabilities.

This study utilizes Power BI to develop the dashboard. Power BI is a business analytics service offered by Microsoft, enabling users to visualize data and share insights. It seamlessly converts data from various sources to create interactive dashboards and Business Intelligence reports. Utilizing Power BI simplifies dashboard development due to its user-friendly features and ease of use.

Conclusion

The study's expected outcomes include the development of a prediction model for inventory management, presented in a well-designed dashboard. This tool aims to significantly enhance management strategy by leveraging historical data and relevant analytical insights, thereby improving inventory prediction accuracy. The dashboard offers a visual representation of essential inventory metrics and classification parameters, allowing users to quickly grasp product distribution across different categories. This facilitates easy visualization of product categorization, distinguishing between items with low and high customer demand. Essentially, it provides staff with a clear overview of product popularity and demand levels.

Moreover, the dashboard enables staff to plan and organize inventory effectively by monitoring stock levels and anticipating potential shortages or overstock situations. Its visual nature simplifies the prioritization of stock orders based on current needs and market trends, leading to more informed and efficient decision-making in inventory management. Overall, the dashboard serves as a powerful tool for streamlining planning processes and optimizing stock orders with greater accuracy, empowering staff to make data-driven decisions and enhance overall inventory management efficiency.

References:

Armstrong, J. S. (2012). Illusions in regression analysis. *International Journal of forecasting*, *28*(3), 689-694.

Charles, D. (2022). The evolution of business networks and clusters. In *Industrial Clusters* (pp. 32-55). Routledge.

Eckerson, W. W. (2007). Predictive analytics. Extending the Value of Your Data Warehousing Investment. TDWI Best Practices Report, 1, 1-36.

Kamiński, B., Jakubczyk, M., & Szufel, P. (2018). A framework for sensitivity analysis of decision trees. *Central European journal of operations research*, *26*, 135-159.

Lin, J., Keogh, E., Lonardi, S., & Chiu, B. (2003, June). A symbolic representation of time series, with implications for streaming algorithms. In *Proceedings of the 8th ACM SIGMOD workshop on Research issues in data mining and knowledge discovery* (pp. 2-11).

Polikar, R. (2012). Ensemble learning. *Ensemble machine learning: Methods and applications*, 1-34.

Saltz, J. S. (2021, December). Crisp-dm for data science: Strengths, weaknesses and potential next steps. In *2021 IEEE International Conference on Big Data (Big Data)* (pp. 2337-2344). IEEE.

Sarikaya, A., Correll, M., Bartram, L., Tory, M., & Fisher, D. (2018). What do we talk about when we talk about dashboards?. *IEEE transactions on visualization and computer graphics*, *25*(1), 682-692.

e-ISBN : 978-629-98755-1-2
SIG : e-Learning@CS
https://appspenang.uitm.edu.my/sigcs/
Publication Date : 5-Apr-2024

PERBANDINGAN PENCAPAIAN KURSUS MATEMATIK DALAM KALANGAN PELAJAR IJAZAH KEJURUTERAAN LEPASAN POLITEKNIK DAN LEPASAN MATRIKULASI DALAM SUBJEK KALKULUS UNTUK JURUTERA: KAJIAN KES PELAJAR SEMESTER SATU, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

*Siti Asmah Mohamed[1], Nurhafizah Ahmad[2] dan Fadzilawani Astifar Alias [3]
**sitiasmah109@uitm.edu.my[1], nurha9129@uitm.edu.my[2], fadzilawani.astifar@uitm.edu.my [3]*
[1,2,3]Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

**Corresponding author*

ABSTRACT

Kursus matematik merupakan kursus teras yang wajib diambil oleh pelajar yang mengikuti program kejuruteraan dan pelajar perlu lulus untuk memenuhi syarat penganugerahan ijazah. Kegagalan pelajar serta pencapaian yang kurang memuaskan dalam kursus matematik turut memberi kesan negatif kepada prestasi individu dan keseluruhan kepada institusi. Persepsi akan pencapaian subjek matematik dari kalangan pelajar lepasan Politeknik dikatakan tidak memberangsangkan berbanding pelajar lepasan Matrikulasi. Justeru itu kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti perbezaan keputusan peperiksaan bagi subjek Kalkulus Untuk Jurutera di kalangan pelajar lepasan diploma Politeknik dan pelajar lepasan Matrikulasi. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan analisis penilaian kursus matematik pelajar berdasarkan kerja kursus dan peperiksaan akhir. Sampel kajian adalah seramai 29 orang pelajar yang dipilih dari program kejuruteraan. Keputusan analisis data menunjukkan bahawa pencapaian pelajar lepasan Matrikulasi adalah lebih baik ($p<0.05$; $t=-2.083$) berbanding pelajar dari lepasan diploma Politeknik dan seterusnya mempengaruhi perbezaan pencapaian ini adalah signifikan pada aras keyakinan 0.05. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar lepasan diploma Politeknik tidak mengambil mata pelajaran matematik tambahan sewaktu peperiksaan SPM. Seterusnya mempengaruhi keputusan peperiksaan pelajar lepasan Politeknik semester satu dalam subjek Kalkulus. Kajian ini akan melihat kebenaran persepsi dan mencadangkan beberapa langkah yang mungkin dapat diambil bagi memperbaiki masalah ini.

Keywords: Pencapaian, Kursus Matematik, lepasan Politeknik, lepasan Matrikulasi

Pengenalan

Kalkulus Untuk Jurutera merupakan subjek teras yang wajib diambil bagi pelajar yang mengikuti program kejuruteraan pada semester pertama. Subjek ini wajib lulus dan disediakan untuk mempertingkatkan asas matematik bagi menyediakan pelajar mengikuti subjek matematik pada semester seterusnya iaitu Kalkulus Lanjutan. Menurut Montague dan Garderen (2003), subjek penguat kepada kursus kejuruteraan adalah subjek matematik. Namun begitu seringkali terdengar keluhan daripada pelbagai pihak tentang tahap pencapaian matematik yang kurang memberangsangkan dikalangan pelajar di universiti.

Kegagalan pelajar serta pencapaian yang kurang memuaskan dalam subjek matematik turut memberi kesan negatif kepada prestasi individu dan keseluruhan kepada institusi. Namun tidak boleh dinafikan bahawa ada faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi pencapaian subjek matematik mereka terutamanya dari kalangan pelajar pelbagai latarbelakang pendidikan. Persepsi tentang tahap penguasaan matematik yang lemah dikalangan pelajar dari pelajar lepasan Politeknik, berbanding pelajar lepasan Matrikulasi. Kajian ini akan melihat kebenaran persepsi ini dan mencadangkan beberapa langkah yang mungkin dapat diambil bagi memperbaiki masalah ini.

Politeknik merupakan institusi pendidikan yang bernaung di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta mengambil bahagian dalam menyediakan pendidikan yang berteknologi bagi melahirkan para pekerja yang dapat memenuhi keperluan industri negara. Matrikulasi pula merupakan satu program persediaan bagi pelajar untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Pertama. Kedua-dua program ini melayakkan mereka untuk melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti awam bergantung sepenuhnya kepada markah merit, bilangan tempat dan kelayakan calon. (Berita Harian, 2021).

Dapatan kajian Abdul Muqsith (2013) memang wujud perbezaan diantara pelajar lepasan diploma berbanding lepasan Matrikulasi di kalangan pelajar program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di UTHM. Antaranya adalah pelajar lepasan Matrikulasi sinonim dengan mata pelajaran bukan kejuruteraan seperti bahasa inggeris, matematik, fizik dan kimia kerana mereka adalah bekas pelajar berpencapaian cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala pelajar dari kalangan lepasan diploma Politeknik pula dikaitkan dengan imej sebagai pelajar lebih matang, lebih cekap dalam mata pelajaran kejuruteraan tetapi kurang cekap dalam mata pelajaran umum seperti bahasa Inggeris, matematik, fizik dan juga kimia.Tambahan lagi menurut Abdul Muqsith (2013) mendapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor sikap dan kemahiran belajar antara dua kumpulan ini.

Hasil kajian Mahyuddin (2008) mendapati wujudnya faktor perbezaan pencapaian akademik pelajar lepasan diploma dan Matrikulasi di mana hanya faktor latar belakang pendidikan sahaja berada di tahap yang sederhana bagi pelajar lepasan diploma. Bagi pelajar lepasan matrikulasi pula, faktor persediaan pelajar dari segi usia dan peranan sosial berada pada tahap tinggi. Manakala faktor persediaan pelajar dari segi motivasi dan faktor latar belakang pendidikan sahaja berada di tahap yang sederhana.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Ishak Baba (2012) menunjukkan prestasi pelajar lepasan diploma Politeknik kurang cemerlang di peringkat awal pengajian. Prestasi akademik mereka semasa

bergraduat juga kurang berbanding dengan pelajar lepasan diploma IPT dan STPM tetapi mempunyai corak yang hampir sama dengan lepasan Matrikulasi.

Melalui kajian ini dapat memberikan gambaran awal kepada para pensyarah tentang tahap penguasaan dan kefahaman terhadap subjek Kalkulus dalam kalangan pelajar lepasan Politeknik dan pelajar lepasan Matrikulsi sebelum mereka memasuki subjek matematik lanjutan pada semester berikutnya. Tindakan boleh diambil untuk memperbaiki tahap pencapaian akademik pelajar diantaranya terhadap pelajar lepasan Politeknik dan pelajar lepasan Matrikulasi.

Metodologi

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan semester satu dan mengambil subjek Kalkulus Untuk Jurutera. Data diperolehi daripada 29 orang pelajar melibatkan pelajar dari lepasan Politeknik dan pelajar lepasan Matrikulasi. Proses penganalisaan data berbentuk kuantitatif melalui pemeriksaan dokumen skrip jawapan peperiksaan dan instrumen kajian adalah melalui penilaian kerja kursus dan penilaian peperiksaan akhir untuk menggambarkan pencapaian keseluruhan pelajar.

Analisa dan Perbincangan

Analisa data yang dijalankan adalah dimulakan dengan analisa deskriptif. Rajah 1 menunjukkan gambarajah pie bagi jantina pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan 55.17% daripada responden adalah daripada kalangan pelajar perempuan, manakala 44.83% merupakan pelajar lelaki.



Rajah 1: Peratusan jantina pelajar

Jadual 1: Bilangan mengikut kategori pelajar lepasan Politeknik dan pelajar lepasan Matrikulasi

Program	Lepasan Politeknik	Lepasan Matrikulasi
EE200	0	6
EC221	1	2
EC223	10	8
EM245	2	0

Jadual 1 menunjukkan bilangan pelajar lepasan Politeknik dan Matrikulasi dalam beberapa program pengajian kejuruteraan. Program EC223 menonjol dengan jumlah pelajar terbanyak dari kedua-dua kategori, dengan 10 pelajar lepasan Politeknik dan 8 pelajar lepasan Matrikulasi. Sebaliknya, program EE200 tidak mempunyai pelajar lepasan Politeknik tetapi memiliki 6 pelajar lepasan Matrikulasi. Selain itu, program EM245 mempunyai 2 pelajar lepasan Politeknik tetapi tiada pelajar lepasan Matrikulasi.

Jadual 2: Purata markah peperiksaan akhir mengikut kategori

	Lepasan	N	Purata	Sisihan Piawai (SP)
Markah Peperiksaan Akhir	Politeknik	13	28.038	18.5005
	Matrikulasi	16	45.469	25.1121

Jadual 3: Ujian t sampel tak bersandar

	Ujian Levene		Ujian t sampel tak bersandar		
	F	Sig.	t	darjah kebebasan	Sig.
Markah Peperiksaan Akhir	1.645	.211	-2.083	27	0.047

Jadual 3 menunjukkan keputusan Ujian t sampel tak bersandar yang telah dijalankan terhadap markah peperiksaan akhir. Ujian ini telah menunjukkan bahawa purata markah peperiksaan akhir adalah berbeza secara signifikan di antara pelajar lepasan Matrikulasi (purata = 45.469, SP = 25.1121) dan pelajar lepasan Politeknik (purata = 28.038, SP = 18.5005). Dapatan ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua kumpulan pelajar ($p < 0.05$). Walaupun hanya menggunakan sampel 29 pelajar, data markah peperiksaan akhir cukup untuk menunjukkan perbezaan ini adalah signifikan.

Jadual 2 menunjukkan purata markah peperiksaan akhir mengikut kategori. Purata markah yang lebih rendah untuk pelajar lepasan Politeknik (28.038) berbanding dengan pelajar lepasan Matrikulasi (45.469) menunjukkan perbezaan dalam tahap prestasi antara dua kumpulan tersebut. Hal ini boleh disebabkan oleh faktor seperti latar belakang pelajar, struktur kurikulum, kaedah pengajaran, pengalaman pembelajaran sebelumnya, dan sokongan akademik juga boleh mempengaruhi prestasi purata kumpulan.

Analisis terhadap perbandingan purata markah ini penting bagi institusi pendidikan untuk menilai keberkesanan kurikulum dan proses pengajaran, serta untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan dalam usaha meningkatkan prestasi pelajar. Selain itu, ia juga memberi maklumat kepada pentadbir dan pensyarah untuk menyediakan sokongan tambahan kepada pelajar yang memerlukan bantuan dalam meningkatkan prestasi akademik khasnya dalam subjek matematik.

Jadual 4: Jadual analisis silang

			Matematik Tambahan (SPM)		
			Ya	Tidak	Jumlah
Lepasan	Politeknik	Bilangan	2	11	13
		Jumlah %	6.9%	37.9%	44.8%
	Matrikulasi	Bilangan	16	0	16
		Jumlah %	55.2%	0.0%	55.2%
Jumlah		Bilangan	18	11	29
		Jumlah %	62.1%	37.9%	100.0%

Jadual 4 menunjukkan jadual analisis silang antara kategori pelajar, lepasan Politeknik dan lepasan Matrikulasi dan sama ada pelajar berkenaan mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan ataupun tidak sewaktu menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Data menunjukkan perbezaan dalam pengambilan mata pelajaran Matematik Tambahan diperingkat SPM antara pelajar lepasan Politeknik dan lepasan Matrikulasi.

Daripada pelajar lepasan Politeknik, hanya 2 pelajar (6.9%) yang mengambil Matematik Tambahan manakala 11 pelajar (37.9%) tidak mengambilnya. Sebaliknya, bagi pelajar lepasan Matrikulasi, 16 pelajar (atau 55.2% daripada jumlah pelajar) mengambil Matematik Tambahan manakala tiada pelajar yang tidak mengambilnya. Peratusan yang tinggi pelajar lepasan Matrikulasi yang mengambil Matematik Tambahan menunjukkan keutamaan atau kepentingan yang lebih besar terhadap subjek tersebut dalam kalangan pelajar dari latar belakang Matrikulasi berbanding dengan pelajar Politeknik. Hal ini mungkin berkaitan dengan penekanan kurikulum dan persediaan bagi program Matrikulasi yang mungkin lebih menekankan kepentingan Matematik Tambahan juga dalam keperluan program pengajian setelah menamatkan persekolahan menengah.

Kesimpulan

Daripada kajian yang dilakukan terhadap 29 pelajar Ijazah Kejuruteraan semester satu sesi Oktober 2023 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang menunjukkan terdapat perbandingan yang signifikan antara pelajar lepasan Politeknik dan lepasan Matrikulasi terhadap pencapaian pelajar dalam peperiksaan akhir bagi subjek Kalkulus Untuk Jurutera.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lepasan Matrikulasi mempunyai asas matematik yang kukuh kerana mereka mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan sewaktu peperiksaan SPM. Berbeza dengan pelajar lepasan Politeknik yang majoritinya tidak mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan. Hal ini membuktikan bahawa pelajar yang tidak mempunyai asas matematik yang kukuh di peringkat sekolah menengah akan memberi kesan terhadap pencapaian pelajar dalam subjek Kalkukus Untuk Jurutera diperingkat ijazah. Namun demikian pelajar tidak seharusnya menjadikan alasan tidak mengambil subjek Matematik Tambahan sebagai punca mereka tidak lulus dalam subjek Kalkulus sedangkan pelajar seharusnya mengoptimumkan usaha dan memperbanyakkan latih tubi. Sikap pelajar dan cara belajar pelajar itu sendiri juga perlu diberi perhatian supaya pembelajaran dan pemahaman terhadap matematik lebih berkesan.

Kajian ini juga mencadangkan agar pihak pengambilan diperingkat ijazah lebih peka terhadap kelayakan pelajar dengan menekankan pencapaian Matematik Tambahan sebagai subjek wajib khususnya bagi pelajar yang akan mengikuti program pengajian kejuruteraan. Ini kerana pelajar bakal menghadapi bebanan dan tekanan sekiranya tidak mengambil subjek matematik tambahan dan tidak menguasai subjek matematik dengan baik. Selain itu, para pensyarah perlu membuat penambahbaikan dari segi teknik pengajaran, menyediakan bahan-bahan kursus yang lebih baik dan terkini bagi menarik minat pelajar, memberi galakan kepada pelajar, memperbanyakkan latihan dan membina hubungan yang erat antara pensyarah dan pelajar. Pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh pensyarah yang berpengalaman seperti mengamalkan konsep berpusatkan pelajar, pembelajaran interaktif, bengkel, klinik matematik dan lain-lain program yang dapat memberi impak terhadap prestasi pelajar terutama pelajar lepasan Politeknik. Peranan pensyarah amatlah diperlukan bagi memantau akan pencapaian akademik pelajar disamping meneruskan aktiviti penambahbaikan yang telah dirancang dengan berkesan.

References:

Ahmad M.A. (2013). Faktor yang Mempengaruhi Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lepasan Diploma Politeknik dan Matrikulasi Terhadap Subjek Kejuruteraan. *Journal Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn*. Retrieved from https://core.ac.uk/download/pdf/20350035.pdf

Ishak. B. (2012). Kajian Mengenai Tahap Pencapaian Pelajar Laluan Diploma Politeknik Berbanding Pelajar Lalauan Diploma IPT, Matrikulasi/Asasi dan STPM yang Melanjutkan Pengajian di Peringkat Sarjana Muda di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia bg Fasa II. *UTHM Institutional Repository*. Retrieved from https://core.ac.uk/reader/20488800

Mahyuddin, A. & Mohd Ali, A.F. (2011). Faktor Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lepasan Diploma Dan Matrikulasi. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*. Retrieved from http://eprints.utm.my/11813/

Montague, M.& Garderen, D. (2003). A Cross-sectional Study of Mathematics Achievement,Estimation Skills, and Academic Self-perception in Students of Varying Ability. *Journal Of Learning Disabilities*, 36, (5), 437-448.

Suzalina Halid. (2021, 21 September). 67 Peratus Lepasan Politeknik Dapat ke Universiti Awam (UA). *Berita Harian Online*. Bahan diakses pada 20 Februari 2024, daripada https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/866668/parlimen-67-peratus-lepasan-politeknik-dapat-ke-ua

e-ISBN : 978-629-98755-1-2

SIG : e-Learning@CS
https://appspenang.uitm.edu.my/sigcs/
Publication Date : 5 - Apr - 2024

KAJIAN TAHAP KEBIMBANGAN DAN MINAT PELAJAR PRA SAINS TERHADAP MATEMATIK

*Maisurah Shamsuddin[1], Siti Balqis Mahlan[2], Muniroh Hamat[3], Fadzilawani Astifar Alias[4], Nurhafizah Ahmad[5.]
**maisurah025@uitm.edu.my[1], sitibalqis026@uitm.edu.my[2], muniroh@uitm.edu.my[3], fadzilawani.astifar@uitm.edu.my[4], nurha9129@uitm.edu.my[5]*

[1,2,3,4,5]Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

**Corresponding author*

ABSTRACT

Matematik sering kali menjadi subjek yang mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan pelajar. Minat terhadap matematik boleh menjadi faktor penting dalam meningkatkan kefahaman dan prestasi pelajar dalam bidang matematik. Sebaliknya, kebimbangan terhadap matematik sering kali timbul apabila pelajar merasa tidak yakin atau tidak berminat, yang boleh mengakibatkan penolakan terhadap usaha pembelajaran. Justeru itu kajian ini dijalankan terhadap pelajar pra diploma sains bagi melihat sejauh mana tahap kebimbanagan dan minat pelajar terhadap matematik dan hubungan di antara kedua-duanya. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai tahap kebimbangan yang agak tinggi. Walaubagaimanapun, majoriti daripada mereka mempunyai rasa minat yang tinggi terhadap matematik. Ujian korelasi Spearman Rho yang di jalankan pula menunjukkan hubungan linear negatif yang sederhana dan signifikan terhadap kedua-duanya iaitu semakin tinggi minat seseorang terhadap matematik, semakin rendah kebimbangan yang dirasakan. Oleh itu, tindakan yang proaktif perlu diambil untuk mengurangkan tahap kebimbangan pelajar di samping meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran matematik.

Keywords: *Minat, kebimbangan, matematik, korelasi, kefahaman*

Pengenalan

Matematik bukan sahaja merupakan satu aspek penting dalam kurikulum pendidikan, tetapi juga memainkan peranan yang besar dalam pembentukan kemahiran pemikiran kritis, daya penyelesaian masalah, dan kemampuan analitikal pelajar. Oleh itu, minat yang positif terhadap matematik bukan sekadar memberikan kepuasan dalam pencapaian akademik, tetapi juga membawa impak yang mendalam terhadap perkembangan intelektual dan profesional seseorang. Di samping itu, kebimbangan terhadap matematik juga boleh memberi kesan negatif terhadap aspek-aspek ini, menyumbang kepada ketidakpastian dalam membuat keputusan, kurang keyakinan dalam menangani masalah, dan pembentukan imej diri yang negatif.

Minat pelajar terhadap matematika mencerminkan daya tarikan, kecenderungan, dan semangat untuk mempelajari matematik. Minat ini dapat dipengaruhi oleh berbagai faktor, termasuk pengalaman, kaedah pengajaran, dan persepsi pelajar terhadap matematika dan hubungannya dengan kehidupan seharian. Menurut Hashim (2000), minat adalah daya penggerak yang mendorong kita supaya memberi

perhatian kepada sesuatu yang diminati. Pelajar yang mempunyai minat untuk belajar akan berasa seronok dan bersungguh-sungguh untuk belajar kerana mereka akan mendapat kepuasan daripada proses pembelajaran itu sendiri dan juga dapat mencapai prestasi yang lebih cemerlang. Azizi Yahaya dan Shahrin Hashim (2008) juga dalam kajiannya menyatakan bahawa minat yang tinggi dalam mata pelajaran tertentu akan menggalakkan pelajar mendalami subjek tersebut. Mereka akan lebih tekun, aktif dalam kelas, dan mencari pemahaman yang lebih berkaitan konsep matematik. Sebaliknya,minat yang rendah, kemungkinan besar mereka akan mudah bosan, dan tidak ada inisiatif untuk apa yang harus mereka pelajari (Zebua & Harefa, 2022).

Kebimbangan terhadap matematik juga sering menjadi satu cabaran yang dihadapi oleh pelajar. Kebimbangan terhadap matematik adalah lebih kepada reaksi emosi atau perasaan negatif yang berkaitan khusus dengan subjek matematik. Mereka akan merasa cemas, takut, atau tidak selesa ketika terlibat dalam aktiviti atau pembelajaran matematik. Ini mungkin termasuk ketidakselesaan terhadap masalah matematik, kekhuatiran terhadap ujian matematik, atau rasa kurang keyakinan terhadap keupayaan diri dalam menangani konsep-konsep matematik (Hunt & Zakaria 2018). Secara tidak langsung, mereka mungkin beranggapan bahawa subjek ini sukar, rumit, atau tidak menarik, yang boleh merosakkan keyakinan diri mereka.

Sekiranya kebimbnagan terhadap matematik berterusan, ini akan mengakibatkan pencapaian mereka dalam matematik turut terjejas. Terdapat beberapa kajian bagi melihat hubungan di antara kebimbangan terhadap matematik dengan pencapaian matematik pelajar. Hasil kajian yang diperolehi oleh Juniati dan Budayasa (2020) mendapati bahawa tahap kebimbangan yang tinggi akan dapat mewujudkan perasaan takut terhadap matematik sehingga menjejaskan keputusan matematik pelajar. Gunderson et al. (2018) juga berpendapat bahawa pelajar yang berkebimbangan matematik tinggi akan memperolehi pencapaian matematik yang rendah. Oleh yang demikian, kebimbanagn terhadap matematik perlu diambil perhatian dan di kurangkan dengan melihat faktor-faktor yang menyebabkan kebimbangan ini berlaku. Menurut kajian oleh Sim & Siti (2022), terdapat enam faktor yang menyebabkan kebimbangan pelajar terhadap matematik iaitu faktor akademik, demografi, keluarga, guru, diri sendiri, serta rakan sebaya. Faktor yang banyak dikaji adalah faktor dominan seperti pencapaian matematik, jantina, efikasi kendiri dan motivasi.

Kesedaran terhadap hubungan antara minat dan kebimbangan terhadap matematik dapat memberi pencerahan kepada pendidik dan pelajar untuk menyelami aspek-aspek yang mempengaruhi pembelajaran matematik. Dengan memahami bagaimana minat dan kebimbangan saling berkait, pendekatan yang lebih holistik dan bersepadu boleh dirancang untuk memberikan sokongan kepada pelajar dalam menghadapi cabaran matematik. Oleh itu, penting untuk mengatasi kebimbangan pelajar dengan pendekatan pengajaran yang menyenangkan, memberikan sokongan tambahan, dan

menunjukkan aplikasi praktikal matematik dalam kehidupan sehari-hari untuk meningkatkan motivasi dan pemahaman mereka.

Metodologi

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar pra sains yang mengambil subjek matematik di UiTMCPP. Kesemua responden yang terlibat adalah seramai 44 orang. Mereka diberi soalan kaji selidik yang disediakan melalui *'Google Form'* . Sebanyak 14 item soalan yang diambil daripada *MAS (mathematics anxiety scales)* oleh Mahmood, S., & Khatoon, T. (2011) dan sedikit pengubahsuaian dibuat terhadap item soalan tersebut. Soalan - soalan ini melibatkan masing-masing 7 item positif dan negatif berdasarkan 4 skala likert. Item negatif adalah soalan berkaitan kebimbangan terhadap matematik manakala item positif pula adalah lebih kepada minat pelajar terhadap matematik. Data yang diperolehi dianalisa secara deskriptif statistik menggunakan aplikasi SPSS 2.0. Selain itu hubungan di antara kedua-dua item ini juga dikaji dengan menggunakan Ujian Korelasi Spearman Rho kerana data yang diperolehi adalah data ordinal.

Analisa kebolehpercayaan terhadap 14 item soalan ini dijalankan terlebih dahulu menggunakan alpha Cronbach. Secara keseluruhan, nilai alpha Cronbach yang diperolehi adalah 0.823. Manakala nilai alpha Cronbach bagi item positif dan negatif masing-masing adalah 0.69 dan 0.79. Oleh itu kesemua 14 item yang digunakan untuk kajian ini adalah sesuai dan baik kerana menurut Chua, 2014; Darusalam & Hussin, 2018, nilai kebolehpercayaan yang baik adalah di antara 0.65 hingga 0.95 .

Analisa Data

Analisa deskriptif bagi tahap kebimbangan pelajar terhadap matematik dalam kajian ini merujuk kepada nilai kekerapan dan peratus. Hasil dapatan kajian bagi 7 item negatif ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Kekerapan bagi Tahap Kebimbangan terhadap Matematik

Tahap	Julat skor	Kekerapan	Peratus (%)
Tinggi	2.68 - 4.00	19	43.2
Sederhana	2.34 - 2.67	12	27.3
Rendah	1.00 - 2.33	13	29.5
Jumlah		44	100

Didapati bahawa seramai 19 orang pelajar mengalami tahap kebimbangan yang tinggi atau 43.2%. Diikuti oleh tahap kebimbangan pelajar yang rendah (29.5%) dan tahap kebimbangan pelajar

yang sederhana (27.3%). Walaubagaimanapun perbezaan min bagi ketiga-tiga tahap kebimbangan pelajar terhadap matematik adalah tidak ketara, tetapi masih terdapat ramai pelajar yang merasa bimbang dengan subjek matematik.

Jadual 2 pula menunjukkan minat pelajar terhadap matematik. Hasil dapatan kajian menunjukkan hanya terdapat dua tahap yang dihadapi oleh pelajar iaitu sederhana dan rendah. Majoriti pelajar iaitu seramai 43 orang (97.7%) mempunyai minat yang tinggi terhadap matematik. Hanya seorang sahaja pada tahap sederhana (2.3%). Ini menunjukkan bahawa minat pelajar terhdap matematik adalah pada tahap yang tinggi dan keadaan ini dapat mengurangkan rasa kebimbangan mereka terhadap matematik.

Jadual 2 : Kekerapan bagi Minat terhadap Matematik

Tahap	Julat skor	Kekerapan	Peratus (%)
Tinggi	2.68 - 4.00	43	97.7
Sederhana	2.34 - 2.67	1	2.3
Rendah	1.00 - 2.33	0	0
Jumlah		44	100

Dapatan kajian berdasarkan gabungan minat dan kebimbangan pelajar terhadap matematik pula ditunjukkan dalam jadual 3 di bawah. Majoriti tahap kebimbanagn pelajar berada pada tahap yang rendah iaitu 28 orang (63.6%). walaubagaimanapun masih terdapat kebimbangan yang tinggi iaitu seramai 5 orang (11.4%) Keadaan ini berlaku kerana adanya minat pelajar yang tinggi (Jadual 2) terhadap matematik yang menjurus kepada kurangnya rasa bimbang terhadap matematik.

Jadual 3 : Kekerapan bagi gabungan Minat dan Kebimbangan terhadap Matematik

Tahap	Julat skor	Kekerapan	Peratus (%)
Tinggi	2.68 - 4.00	5	11.4
Sederhana	2.34 - 2.67	11	25
Rendah	1.00 - 2.33	28	63.6
Jumlah		44	100

Seterusnya, berdasarkan ujian korelasi Spearman Rho, nilai r = -0.5 dan nilai p = 0.0 (<0.01). Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang negative tetapi sederhana dan signifikan di antara kebimbangan dan minat terhadap matematik. Semakin tinggi tahap kebimbangan pelajar, semakin rendah minat mereka terhadap matematik. Oleh itu secara kesimpulannya pelajar pra sains mempunyai minat yang tinggi dalam matematik walaupun ada di antara mereka mempunyai kebimbangan pada tahap yang tinggi.

Kesimpulan

Kajian yang dijalan ini adalah bagi melihat tahap kebimbangan pelajar terhadap matematik. Di samping itu juga minat pelajar turut dikaji bagi melihat hubungan di antara kedua-duanya. Kesimpulan yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai minat yang tinggi dalam matematik, namun kebimbangan terhadap subjek ini masih kekal tinggi. Hubungan negatif yang sederhana antara minat dan kebimbangan menyerlahkan kerumitan hubungan psikologi pelajar dengan matematik. Meskipun minat tinggi dapat memberikan dorongan positif, kebimbangan yang tinggi menunjukkan adanya cabaran dalam membentuk persepsi yang positif terhadap matematik.

Oleh itu, tindakan yang disasarkan adalah perlu untuk menyelidik dan mengatasi faktor-faktor yang boleh menyebabkan keraguan berterusan dalam kalangan pelajar yang sebenarnya mempunyai minat yang tinggi terhadap matematik. Adalah penting untuk merangkumi hasil kajian ini dengan merancang langkah-langkah intervensi yang sesuai. Penekanan perlu diberikan kepada pembinaan keupayaan metakognitif pelajar, peningkatan pengawalan emosi, serta penyediaan persekitaran pembelajaran yang menyokong perkembangan positif terhadap minat dalam matematik dan mengurangkan faktor-faktor yang mencetuskan kebimbangan. Dengan merangkul pendekatan holistik ini, kita dapat membentuk landskap pembelajaran matematik yang lebih positif, memperkukuhkan minat pelajar, dan pada masa yang sama mengurangkan kebimbangan yang mungkin menjadi halangan dalam pencapaian mereka.

Rujukan:

Azizi Yahaya & Shahrin Hashim. (2008). Sumbangan sikap terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik, permasalahan dalam pendidikan sains dan matematik. Universiti Teknologi Malaysia, 109-108

Chua Yan Piaw. (2014). Kaedah dan statistik penyelidikan Buku 1: Kaedah penyelidikan (Edisi Ketiga). Selangor: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.

Darusalam, G. & Hussin, S. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. (2nd ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Hashim, A. (2000). Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihanjJurusan Kejuteraan Awam di kalangan pelajar UTM. Projek Sarjana Muda UTM.

Hunt, W. C. & Zakaria, E.. (2018). Hubungan antara kebimbangan matematik dan pencapaian matematik murid sekolah rendah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*, 197-207.

Juniati, D., & Budayasa, I. K. (2020). Working memory capacity and mathematics anxiety of mathematics students and its effect on mathematics achievement. *Journal for the Education of Gifted Young Scientists, 8*(1), 279-291

Mahmood, S., & Khatoon, T. (2011). Development and Validation of the Mathematics Anxiety Scale for Secondary and Senior Secondary School Students. British Journal of Arts and Social Sciences, 2(2), 169–179.

Zebua, E., & Harefa, A. T. (2022). Penerapan Model Pembelajaran Blended learning Dalam Meningkatkan Minat Belajar Siswa.*Educativo: Jurnal Pendidikan, 1*(1), 251–262.

e-ISBN : 978-629-98755-1-2
SIG : e-Learning@CS
https://appspenang.uitm.edu.my/sigcs/
Publication Date : 5-Apr-2024

PREDICTION OF STROKE DISEASE USING MACHINE LEARNING TECHNIQUES

*Syarifah Adilah Mohamed Yusoff[1], Saiful Nizam Warris[2], Mohd Saifulnizam Abu Bakar[3] and Rozita Kadar[4]
**syarifah.adilah@uitm.edu.my[1], saifulwar@uitm.edu.my[2], mohdsaiful071@uitm.edu.my[3], rozita231@uitm.edu.my[4]*

[1,2,3,4]Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),
Universiti Teknologi MARA Cawangan `Pulau Pinang, Malaysia

**Corresponding author*

ABSTRACT

Stroke is a global disease that is reported to increase annually and is a leading cause of mortality worldwide. The advancement of data analytics and machine learning has made it possible to foretell future patterns and insights, which could lead to the discovery of novel treatments for this condition. This study has investigated five commonly used machine learning algorithm to be constructed as potential models for predicting stroke dataset. Jupyter Notebook, a phyton-base engine, was employed as a data analytic tool for the purpose of analysing and evaluating all of the models. The five models were Decision Tree, Logistic Regression, Linear Discriminant Analysis, Gaussian Naïve Bayes and Support Vector Machine, have being implemented to predict binary outcome of stroke and no stroke. The accuracy percentage reported that Logistic regression outperformed other models with 50.93%.

Keywords: prediction, stroke, machine learning, data analytic, algorithm

Introduction

The number of people suffering from a stroke is increasing every day. Stroke or also known as “angin ahmar” among local Malaysian community is a cerebrovascular disease that happen when blood flow to the brain is restricted, blocked or reduced. According to Department of Statistic Malaysia (2022), stroke is third leading death among Malaysian, after Ischaemic heart disease and Lower repository infections. Several studies recently indicate the increasing trends among low and middle income countries, compared to high-income countries and rising trend among young adults (Wen et al. (2021); Kay & Venketasubramaniah(2022)).

Artificial intelligence is widely used in healthcare and medicine to assist doctors in making decisions by offering enhanced and accurate diagnosis and prognoses. Thanks to advancements in machine learning algorithms and statistical understanding, data mining and analytics have evolved beyond descriptive analysis to encompass predictive and prescriptive analytics. Figure 1 demonstrates the association of data mining with other disciplines, mutually union and complement each other to exploits three promising analytical approaches driven by information. The potential of these emerging

technologies goes beyond the medical field and permeates several aspects of real-life situations, including science and technology, as well as humanities and social sciences.



Figure 1: Analytics outcome from the emerging of data mining technology

In this era of digitalization, information is regarded as valuable as oil. Data analytics have the potential to greatly impact current and future endeavours as a result of the extensive use of relevant technology. Data analytics has the ability to transform raw data into valuable insights, identifying trends and solving problems. It can enhance corporate processes, optimise decision-making, and stimulate economic expansion.

Research Methodology

The general framework of supervised machine learning implementation is illustrated in the Figure 2, where the data of consist of stroke patients' attributes were first went through some steps of pre-processing process in order to prepare prominent features for further analysis. Then, the data are split into testing and training randomly using 10-fold cross validation. The training data was used to construct the model based on selected machine learning algorithms. Meanwhile, testing data was used to validate the model when the prediction was done.



Figure 2: Research framework of stroke analysis

Understanding the Dataset

The stoke dataset is syntactic data from https://github.com/incribo-inc/stroke_prediction that classify patients from demographic and medical information to be diagnosed as stroke or non-stroke.

The datasets consist of 15,000 of record of patients and 22 attributes in total. The attributes are list of demographic and medical history information which are *'Patient ID', 'Patient Name', 'Age', 'Gender', 'Hypertension', 'Heart Disease', 'Marital Status', 'Work Type', 'Residence Type', 'Average Glucose Level', 'Body Mass Index (BMI)', 'Smoking Status', 'Alcohol Intake', 'Physical Activity', 'Stroke History', 'Family History of Stroke', 'Dietary Habits', 'Stress Levels', 'Blood Pressure Levels', 'Cholesterol Levels', 'Symptoms', 'Diagnosis'*. From these 22 attributes the first 21 are all features and the last one is considered as target attributes. The target attribute is two-class classification problem of stroke and non-stroke disease. Figure 3 illustrates the first five records of patients for all attributes (5 rows x 22 columns).

```
In [3]: # Load dataset
        df_stroke = pd.read_csv('stroke.csv')
        df_stroke.head()
```

Out[3]:

	Patient ID	Patient Name	Age	Gender	Hypertension	Heart Disease	Marital Status	Work Type	Residence Type	Average Glucose Level	...	Alcohol Intake	Physical Activity	Stroke History	Family History of Stroke	Dietary Habits	Stress Levels	Blood Pressure Levels	Cholesterol Levels	Symptoms	Diagnosis
0	18153	Mamooty Khurana	56	Male	0	1	Married	Self-employed	Rural	130.91	...	Social Drinker	Moderate	0	Yes	Vegan	3.48	140/108	HDL: 68, LDL: 133	Difficulty Speaking, Headache	Stroke
1	62749	Kaira Subramaniam	80	Male	0	0	Single	Self-employed	Urban	183.73	...	Never	Low	0	No	Paleo	1.73	146/91	HDL: 63, LDL: 70	Loss of Balance, Headache, Dizziness, Confusion	Stroke
2	32145	Dhanush Balan	26	Male	1	1	Married	Never Worked	Rural	189.00	...	Rarely	High	0	Yes	Paleo	7.31	154/97	HDL: 59, LDL: 95	Seizures, Dizziness	Stroke
3	6154	Ivana Baral	73	Male	0	0	Married	Never Worked	Urban	185.29	...	Frequent Drinker	Moderate	0	No	Paleo	5.35	174/81	HDL: 70, LDL: 137	Seizures, Blurred Vision, Severe Fatigue, Head...	No Stroke
4	48973	Darshit Jayaraman	51	Male	1	1	Divorced	Self-employed	Urban	177.34	...	Rarely	Low	0	Yes	Pescatarian	6.84	121/95	HDL: 65, LDL: 68	Difficulty Speaking	Stroke

5 rows × 22 columns

Figure 3: The first 5 patients' information from the datasets

Figure 4 reveals that among the 21 attributes, 8 are categorized as numeric types. The pattern of the values can be described using statistical measures such as standard deviation, minimum, maximum, and the quartiles (25%, 50%, and 75%) of the data. Example, the magnitude of the data on each feature represent by standard deviation (std) and further the smallest and largest value given by min and max consecutively. Meanwhile the rest of features, illustrates in Figure 5 are from nominal types except *'Cholesterol Levels', 'Blood Pressure Levels'* and *'Symptoms'* are string types.

```
In [4]: df_stroke.describe()
```

Out[4]:

	Patient ID	Age	Hypertension	Heart Disease	Average Glucose Level	Body Mass Index (BMI)	Stroke History	Stress Levels
count	15000.000000	15000.000000	15000.000000	15000.000000	15000.000000	15000.000000	15000.000000	15000.000000
mean	49715.802867	54.035667	0.249000	0.502933	129.445209	27.474302	0.500267	5.022694
std	29000.656642	21.063111	0.432448	0.500008	40.487792	7.230201	0.500017	2.873223
min	1.000000	18.000000	0.000000	0.000000	60.000000	15.010000	0.000000	0.000000
25%	24562.000000	36.000000	0.000000	0.000000	94.517500	21.160000	0.000000	2.540000
50%	49448.000000	54.000000	0.000000	1.000000	128.900000	27.420000	1.000000	5.050000
75%	75112.000000	72.000000	0.000000	1.000000	164.592500	33.720000	1.000000	7.520000
max	99975.000000	90.000000	1.000000	1.000000	200.000000	40.000000	1.000000	10.000000

Figure 4: The eight features with numeric type

```
In [5]: df_stroke.isnull().sum()

Out[5]: Patient ID                    0
        Patient Name                  0
        Age                           0
        Gender                        0
        Hypertension                  0
        Heart Disease                 0
        Marital Status                0
        Work Type                     0
        Residence Type                0
        Average Glucose Level         0
        Body Mass Index (BMI)         0
        Smoking Status                0
        Alcohol Intake                0
        Physical Activity             0
        Stroke History                0
        Family History of Stroke      0
        Dietary Habits                0
        Stress Levels                 0
        Blood Pressure Levels         0
        Cholesterol Levels            0
        Symptoms                   2500
        Diagnosis                     0
        dtype: int64
```

Figure 5: The list of all attributes provides by the stroke dataset

Pre-process the Dataset

Once the data has been comprehended, the pre-processing steps have been taken over to perform or reconstruct the pattern of the data for the desired analysis. The list of pre-processing steps has been proposed in the framework in Figure 2. Begin by addressing the issue of missing values. The *'Symptoms'* feature has 2500 missing data points, therefore will be eliminated. Additionally, the other three string properties, namely *'Cholesterol Levels'* and *'Blood Pressure Levels'* also being eliminated. Next, features that have unique values, such as *'Patient ID'* and *'Patient Name'*, as these unique values are not related to our target class. Scaling the numeric features are important due to different and varies magnitude of the data may cause the bigger magnitude will over shadow the small magnitude in modelling process. Figure 6 shows the scaling implementation to the first 6th numeric features using average scaling method and the implementation will not lost any original properties of the data.

	Age	Gender	Hypertension	Heart Disease	Marital Status	Work Type	Residence Type	Average Glucose Level	Body Mass Index (BMI)	Smoking Status	Alcohol Intake	Physical Activity	Stroke History
0	0.093263	Male	-0.575811	0.994150	Married	Self-employed	Rural	0.036180	-0.705993	Non-smoker	Social Drinker	Moderate	-1.000533
1	1.232733	Male	-0.575811	-1.005884	Single	Self-employed	Urban	1.340814	0.704803	Non-smoker	Never	Low	-1.000533
2	-1.331076	Male	1.736682	0.994150	Married	Never Worked	Rural	1.470981	-0.989536	Formerly Smoked	Rarely	High	-1.000533
3	0.900388	Male	-0.575811	-1.005884	Married	Never Worked	Urban	1.379345	0.003554	Non-smoker	Frequent Drinker	Moderate	-1.000533
4	-0.144127	Male	1.736682	0.994150	Divorced	Self-employed	Urban	1.182983	0.219323	Currently Smokes	Rarely	Low	-1.000533

Figure 6: The scaling of the numeric types of features

In data mining, encoding categorical data is necessary in order to make easier for computer to understand. The implementation using *one-hot encoding()* by converting each value of categorical features into a column and assign it a 1 or 0 value. Figure 7 illustrates the outcome of encoding process of two features Gender and Marital Status. Gender is a type of nominal features that consist value Female or Male. For example, since the instance #1st is Male, thus Gender_male is 1 and the Gender_Female is 0. For second feature, Marital Status consists of values Married, Single or Divorced. After encoding, 3 new columns appear for Marital Status and value 1 indicate the instance has true value for that column and the rest are 0. For example, instance #2nd Marital_Status_Single is 1, while Marital_Status_ Divorced and Marital_Status_Married are 0.

Figure 8 depicts all the final attributes selected for the next process which is predictive modelling classification using several Machine Learning algorithms.

	Gender_Female	Gender_Male	Marital Status_Divorced	Marital Status_Married	Marital Status_Single
0	0.0	1.0	0.0	1.0	0.0
1	0.0	1.0	0.0	0.0	1.0
2	0.0	1.0	0.0	1.0	0.0
3	0.0	1.0	0.0	1.0	0.0
4	0.0	1.0	1.0	0.0	0.0

Figure 7: Encoding two features of Gender and Marital Status

```
In [31]: df_stroke_ready.columns

Out[31]: Index(['Gender_Female', 'Gender_Male', 'Marital Status_Divorced',
                'Marital Status_Married', 'Marital Status_Single',
                'Work Type_Government Job', 'Work Type_Never Worked',
                'Work Type_Private', 'Work Type_Self-employed', 'Residence Type_Rural',
                'Residence Type_Urban', 'Smoking Status_Currently Smokes',
